



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBRS. DR. ROSLI DARMAWAN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**BENGKEL KESEDARAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB  
PENYELIA KAWASAN  
DI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**TARIKH:  
30 JULAI 2024 (SELASA)**

**TEMPAT:  
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)**

Bismillahirahmanirahim

Assalammualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis pada pagi ini

Yang Berusaha Encik Yii Mei Wo  
Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penyelia Kawasan

YBrs. Dr./Tuan-tuan dan Puan-puan penyelia kawasan yang dihormati sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, atas izin dan limpah kurnianya, dapat kita bersama-sama berhimpun bagi menjayakan **Bengkel Kesedaran, Peranan dan Tanggungjawab Penyelia Kawasan** di Agensi Nuklear Malaysia pada hari ini.
  
2. Di atas kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Penyelia Kawasan di atas komitmen yang diberikan untuk menghadiri bengkel pada pagi ini. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar tuan dan puan dapat menyumbang idea dan tenaga dengan penuh disiplin serta tanggungjawab agar objektif bengkel ini dapat dicapai.

## **KESEDARAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA KAWASAN**

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Bahaya atau risiko di tempat kerja boleh diakibatkan oleh keadaan tempat kerja yang tidak selamat, penggunaan bahan kimia, peralatan dan jentera yang pelbagai. Rata-rata pekerja akan sentiasa terdedah kepada bahaya atau risiko di tempat kerja sama ada di dalam loji, makmal atau pun kawasan pejabat. Untuk memastikan keselamatan di tempat kerja, pelbagai akta seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514), Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304), Akta Biokeselamatan (Akta 678), telah digazetkan oleh kerajaan.
4. Oleh itu, sudah semestinya aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja perlu dititikberatkan bagi memastikan keselamatan pekerja dan orang awam akan sentiasa berada di tahap yang optimum.
5. Untuk membolehkan pengawasan keselamatan dan pengurusan kecemasan di Nuklear Malaysia dapat dilaksanakan secara efektif, peranan “Penyelia Kawasan” telah diwujudkan di bawah JKSHE. Bagi memastikan pengurusan aktiviti Penyelia Kawasan adalah lebih sistematik, maka mulai tahun 2012, “Jawatankuasa Kecil Penyelia Kawasan” telah ditubuhkan sehingga kini.
6. Penyelia kawasan memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan dan persekitaran yang sihat di tempat kerja amnya di kawasan seliaan masing-masing. Secara tidak langsung usaha ini akan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja yang dilaksanakan.

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Yang Dihormati Sekalian

7. Bengkel ini tidak hanya memperkuuh pengetahuan dan kemahiran penyelia kawasan, tetapi juga memperkuat dan mengukuhkan tanggungjawab yang diberi kepada Penyelia Kawasan dalam menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
8. Sebagai makluman, Agensi Nuklear Malaysia juga telah disenaraikan sebagai Sasaran Penting Keutamaan 1 dan juga telah diwartakan di bawah Akta Kawasan Larangan & Tempat Larangan (KLTL) 1959 Akta 298. Oleh yang sedemikian, agensi juga sentiasa komited terhadap keselamatan dan sekuriti nuklear.
9. Selaku pengerusi JKSHE, saya percaya, pengetahuan yang diperoleh dalam bengkel ini adalah penting untuk memastikan pematuhan standard yang tinggi serta memahami peranan krusial Penyelia Kawasan dalam operasi harian di Agensi Nuklear Malaysia.

## **PENUTUP**

10. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran bengkel ini, terutamanya “Jawatankuasa Kecil Penyelia Kawasan” selaku urusetia, para peserta dan semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung.
11. Akhir sekali, **dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim**, dengan ini saya merasmikan **“Bengkel Kesedaran, Peranan dan Tanggungjawab Penyelia Kawasan”** di Agensi Nuklear Malaysia dan selamat berbengkel kepada semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.